# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 20 APRIL 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | ABINET COMMITTEE ON FOOD SECURITY IN THE WORKS, KIANDEE SAYS, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE<br>SUFFICIENT FOOD SUPPLY THROUGHOUT RAMADAN, HOME, BORNEO POST (KK) -7<br>SUFFICIENT FOOD SUPPLY THROUGHOUT RAMADAN,SAYS MINISTRY, MALAY MAIL -ONLINE<br>BEKALAN MAKANAN NEGARA CUKUP, SINAR NEGERI TERENGGANU, KELANTAN, PAHANG, SELANOR/KL, SH -21 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 5. | PELAJAR UITM TERENGGANU TUAI CILI FERTIGASI, SINAR NEGERI TERENGGANU, KELANTAN, PAHANG, SELANGOR/KL, SH -21 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13. | KREATIF TANGANI ISU PEMBAZIRAN HASIL PERTANIAN, MINDA PEMBACA, BH -12<br>JUALAN RM80JUTA SEPANJANG PKP, HM -ONLINE<br>140 PREMIS RAIH JUALAN RM80J SEPANJANG PKP, BH AHAD -ONLINE<br>DIRECT FROM FARM SALE HELPS TO SELL 13 TONNES OF VEGETABLES, FRUITS, THE SUNDAY POST (KUCHING) -ONLINE<br>FAMA PUTLETS RECORD RM80 MILLION IN SALES DURING MCO, BERNAMA -ONLINE<br>140 OUTLET, PST FAMA BEROPERASI, SH -ONLINE<br>140 OUTLET, PST FAMA BEROPERASI, SH -ONLINE<br>FAMA OUTLETS RECORD RM80 MILLION IN SALES DURING MCO, ASTRO AWANI - ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 14. | TARIK BALIK SEKATAN EKSPORT IKAN, SINAR NEGERI KEDAH, PAHANG, TERENGGANU, SH -23 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br>26. | BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI SEPANJANG RAMADHAN, BERNAMA -ONLINE<br>BEKALAN MAKANAN MUSIM COVID-19, SH -ONLINE<br>KAWALAN PERGERAKAN: TIADA KES CURI HASIL PERTANIAN DI TERENGGANU, BULETIN UTAMA TV3 -ONLINE<br>THE GOVERNMENT TO ESTABLISH THE CABINET FOOD COMMITTEE, NATION, CHINA PRESS -A14<br>MIN OF AGRICULTURE TO ASSIST FARMERS WITH BACKYARD GARDENING, DOMINICA NEWS -ONLINE<br>'APPLY TO MITI IF COMPANY IN NEED OF MORE MANPOWER DURING PHASE 3 OF MCO, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -7<br>PENGUSAHA PATIN TERJEJAS, LOKAL, HM -16<br>FINALLY,500KG OF SWEET POTATOES SOLD, NATION, THE STAR -10<br>ORANG ASLI SELL 500KG OF SWEET POTATOES, NEWS IN BRIEF, NST -12<br>SARAWAK BENAR 2 ORANG DALAM KENDERAAN KE SAWAH, NASIONAL, BH -17<br>DENDA RM50,000 CATUT BARANG KETIKA RAMADHAN, NASIONAL, BH -18<br>PASAR RAYA KELIRUKAN HARGA BERAS DISERBU, NASIONAL, BH -18 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | THE MALAYSIAN INSIGHT | ONLINE | |

## Cabinet committee on food security in the works, Kiandee says



Agriculture and Food Industries Minister Ronald Kiandee says the ministry is working to reduce rice imports, which currently stand at 30%, in the next few years. – The Malaysian Insight file pic, April 19, 2020.

PUTRAJAYA will set up a cabinet committee to address the country's food security in view of the Covid-19 pandemic, reports The Star.

Agriculture and Food Industries Minister Ronald Kiandee said the panel will be chaired by Prime Minister Muhyiddin Yassin.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sufficient food supply throughout Ramadan | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 20 Apr 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 7 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 59 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 164 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 493 |



# Sufficient food supply throughout Ramadan

**PASIR MAS:** The food supply is sufficient to cater to the needs during Ramadan, despite the country is still under the Movement Control Order (MCO), said the Ministry of Agriculture and Food Industry.

Its deputy minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said the ministry was assured of this by those involved in the chain of supply.

"During Ramadan, food such as fruits will be in high demand and based on information we received the supply is sufficient to cater to the needs of people.

"The ministry and relevant agencies are constantly monitoring the situation," he told reporters here.

He said the ministry also did not find any issues in terms of food supply so far despite the enforcement of the MCO. - Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | MALAY MAIL | ONLINE | |

## Sufficient food supply throughout Ramadan, says ministry



Deputy Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Che Abdullah Mat Nawi inspecting the harvest of melons in Kampung Slow Terliar in Pasir Mas, April 19,2020. — Bernama pic

PASIR MAS, April 19 — The food supply is sufficient to cater to the needs during Ramadan, despite the country is still under the Movement Control Order (MCO), said the Ministry of Agriculture and Food Industry

Its deputy minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said the ministry was assured of this by those involved in the chain of supply.

"During Ramadan, food such as fruits will be in high demand and based on information we received the supply is sufficient to cater to the needs of people. The ministry and relevant agencies are constantly monitoring the situation," he told reporters here.

He said the ministry also did not find any issues in terms of food supply so far despite the enforcement of the MCO. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI TERENGGANU, KELANTAN,PAHANG, SELANGOR | 21 |

# Bekalan makanan negara cukup

## Kerajaan buat pemantauan pastikan stok tidak terjejas

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR MAS

Bekalan makanan termasuk buah-buahan dijamin mencukupi sepanjang bulan Ramadan yang akan bermula pada 24 April depan meskipun kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memutuskan rantaian wabak koronavirus (Covid-19).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kerajaan sentiasa membuat pemantauan dari masa ke masa bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

"Walaupun aspek pergerakan pada musim PKP agak terbatas, namun ia tidak mengganggu stok bekalan makanan negara," katanya

Beliau berkata demikian selepas turun padang meninjau kerja-kerja penuaian hasil tembikai wangi yang diusahakan oleh para petani menerusi Projek Pemulihan Tanah Terbiar Kampung Slow Teliar, Bunut Susu di sini semalam.



Che Abdullah (dua dari kiri) melihat hasil tuaian tembikai wangi di Kampung Slow Teliar, Bunut Susu semalam.



Che Abdullah (hadapan) menunjukkan hasil tuaian tembikai wangi yang diusahakan oleh para petani menerusi Projek Pemulihan Tanah Terbiar Kampung Slow Teliar, Bunut Susu semalam.

Menurutnya, kerja-kerja mengimport produk buah-buahan dari luar negara seperti epal, kurma dan lain-lain masih lagi berjalan seperti biasa.

Katanya, setiap barangan yang diimport itu melalui proses saringan ketat oleh agensi berkaitan bagi memastikan ia berada dalam keadaan selamat.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah turut memuji komitmen ditunjukkan oleh para petani yang sentiasa bekerja keras bagi memastikan stok bekalan makanan negara sentiasa cukup.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, para petani merupakan salah satu daripada kumpulan barisan hadapan negara.

"Tanpa mereka (petani) mungkin kita berdepan dengan kekurangan stok bekalan makanan.

"Saya ingin mengingatkan para petani supaya sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan sentiasa mencuci tangan serta menjaga penjarakkan sosial dalam usaha memutuskan rantaian Covid-19," katanya.

# Pelajar UiTM Terengganu tuai cili fertigasi

KUALA TERENGGANU - Sebanyak 1,040 pokok cili diusahakan secara fertigasi oleh Bridged Malaysia Akademic of SME Development (Masmed) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu di atas tanah berkeluasan 0.10 hektar sudah mula dituai.

Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), Dr Rosman Mahmood berkata, projek fertigasi cili merah yang dimulakan awal Februari lalu mendapat bantuan daripada Jabatan Pertanian Daerah Dungun.

"Daripada jumlah pokok cili yang ditanam kita jangka musim ini kita mampu tuai hasil sehingga mencecah 3,000 kilogram.

"Permintaan diterima buat masa ini amat memberangsangkan dan cukup untuk membantu komuniti setempat terutamanya warga kampus untuk menikmati hasil cili yang segar dan bermutu pada harga terbaik.

"Tawaran harga yang lebih rendah daripada harga pasaran merupakan salah satu matlamat keusahawanan sosial yang disasarkan oleh pihak universiti," katanya.

Beliau berkata, sebahagian hasil projek itu disalurkan ke tabung pembiayaan aktiviti keusahawanan universiti untuk menyemarakkan lagi aktiviti pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa.



Sebahagian daripada cili yang telah dituai oleh pelajar UiTM Cawangan Terengganu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 12 |

# Kreatif tangani isu pembaziran hasil pertanian

Krisis COVID-19 mendorong Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu kini, ia dilanjutkan lagi sehingga penghujung April.

Pelaksanaan PKP penting untuk memutuskan rangkaian jangkitan wabak, namun ironinya ramai individu hilang sumber pendapatan harian mereka susulan pelaksanaan perintah ini. Antaranya termasuk petani,

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong, berkata pekebun mengeluarkan 800 tan metrik sayur-sayuran sehari, namun hanya 30 peratus mampu dijual di pasaran.

Hasil pertanian mereka gagal dieksport dari kawasan Cameron Highlands berikutan pelaksanaan PKP yang berterusan.

Akibat kerugian besar, pekebun di tanah tinggi Cameron Highlands kini berdepan kesukaran untuk membayar gaji pekerja ladang. Malah, mereka terpaksa membuang sayuran serta buah-buahan yang saban hari perlu dipetik kerana pengeksportan tidak dapat dilaksanakan.

Kekangan ini menyebabkan rakyat Malaysia terjejas sumber kewangan harian kerana penjualan hasil pertanian adalah sumber pendapatan utama mereka.

Namun, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata pihaknya sudah menghantar pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ke lokasi untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Menurut beliau, sebahagian FAMA beli, manakala sebahagian lagi diberikan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk diagih kepada orang ramai, selain menghantarnya ke zoo.

Beliau turut mengharapkan aktiviti jualan dapat dilakukan secara dalam talian atau menyediakan perkhidmatan penghantaran, berbanding cara konvensional sebelum ini.

Diharapkan hasil nukilan ini membuka mata masyarakat agar bersyukur rezeki dilimpahkan.

Situasi ini turut membuka minda masyarakat agar bersikap optimis dan kreatif dalam menjalankan perniagaan demi mengelak kerugian serta banyakkan amal jariah seperti sedekah.

*Nur Anith Ayuni Md Yusof Azmi*
*Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2020 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Jualan RM80 juta sepanjang PKP



PELANGGAN mengamalkan penjarakan sosial ketika membeli barangan di Pasar Segar Terkawal di Bangunan FAMA Bandar Baru Selayang.

SEBANYAK 140 outlet di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) mencatatkan jualan sebanyak RM80 juta sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan mulai 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MOA) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jualan itu membabitkan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"FAMA dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian ini sentiasa berusaha mengurangkan masalah lebihan pengeluaran.

"Ia disebabkan permintaan yang berkurangan kerana outlet pemasaran yang dikurangkan akibat PKP," katanya pada sidang media selepas program turun padang di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, Kuala Selangor, hari ini.

Bagaimanapun, Ronald berkata, terdapat lokasi tertentu yang berdepan masalah lebihan pengeluaran kerana outlet berkurangan.

"Seperti contoh, hotel dan restoran tidak beroperasi sepenuhnya menyebabkan permintaan 'business to business' (perniagaan ke perniagaan) berkurangan dan sekarang ini, permintaan 'business to consumer' (perniagaan ke pelanggan) sahaja," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pendekatan baru seperti perniagaan secara dalam talian rancak digunakan sepanjang tempoh PKP.

"Ketika ini, FAMA sedang berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-commerce untuk membantu pengeluar barang makanan menjalankan perniagaan dalam talian.

"Dengan cara ini, ia diharap dapat mengurangkan isu masalah lebihan pengeluaran," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai lawatannya ke kawasan IADA Barat Laut Selangor, Ronald berkata, lawatan itu bagi memastikan bekalan beras negara sentiasa terjamin dan berterusan.

Katanya, kedudukan negara sebagai pengeluar beras tempatan dan hanya 30 peratus bergantung kepada beras import menunjukkan Malaysia tidak akan berdepan masalah besar dari segi bekalan beras negara walaupun dalam tempoh PKP.

Katanya, Syarikat Padiberas Nasional Bhd (Bernas) turut memaklumkan beras import dari negara luar seperti Thailand dan Vietnam adalah berterusan dan tidak terganggu sepanjang tempoh PKP.

"Rakyat diminta tidak melakukan pembelian panik kerana pihak kementerian dan agensi bertanggungjawab terhadap bekalan makanan negara akan memastikan perolehan bekalan makanan sentiasa terjamin dan konsisten," katanya.



19 APR, 2020

140 premis raih jualan RM80j sepanjang PKP

Berita Harian Ahad, Malaysia



*Penularan COVID-19*

# 140 premis raih jualan RM80j sepanjang PKP

## FAMA, agensi pemasaran kurangkan masalah lebihan pengeluaran




***Kiandee (tengah) menaiki jentera menuai padi** pada program turun padang di kawasan IADA Barat Laut Selangor di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Kuala Selangor:** Sebanyak 140 premis, termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) mencatatkan jualan RM 80 juta sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jualan membabitkan barangan segar seperti sayur, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian ini sentiasa berusaha mengurangkan masalah lebihan pengeluaran.

"Ia disebabkan permintaan berkurangan berikutan premis pemasaran dikurangkan kerana PKP," katanya pada sidang media sempena program turun padang di kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, semalam.

Bagaimanapun, kata Ronald, ada lokasi tertentu yang menghadapi lebihan pengeluaran disebabkan premis berkurangan.

"Contohnya, hotel dan restoran tidak beroperasi sepenuhnya menyebabkan permintaan *business to business* berkurangan dan sekarang, permintaan *business to consumer* sahaja," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pendekatan baharu seperti perniagaan dalam talian rancak digunakan sepanjang PKP.

"Ketika ini, FAMA berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-dagang untuk membantu pengeluar barang makanan melakukan perniagaan dalam talian.

"Dengan cara ini, diharap dapat mengurangkan isu masalah lebihan pengeluaran," katanya.

Sementara itu, mengulas lawatannya ke kawasan IADA Barat Laut Selangor, Ronald memberi jaminan bekalan beras di negara ini mencukupi sepanjang PKP.

"Lawatan ini bagi melihat bekalan beras negara sentiasa terjamin dan berterusan.

"Malah, kedudukan kita sebagai pengeluar beras tempatan sebanyak 70 peratus dan kebergantungan terhadap beras import sebanyak 30 peratus menunjukkan Malaysia tidak akan berhadapan masalah besar dari segi bekalan beras negara walaupun dalam tempoh PKP," katanya.

> ***Ketika ini, FAMA berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-dagang membantu pengeluar barang makanan melakukan perniagaan dalam talian.***
>
> ***Ronald Kiandee,*** *Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

Menurut Ronald, Syarikat Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) turut memaklumkan beras import seperti dari Thailand dan Vietnam berterusan dan tidak terganggu sepanjang PKP.

"Rakyat diminta tidak melakukan pembelian panik kerana pihak kementerian dan agensi bertanggungjawab memastikan perolehan bekalan makanan sentiasa terjamin dan berterusan," katanya.

isentia

**AUTHOR: No author available** **SECTION: NASIONAL** **PAGE: 16** **PRINTED SIZE: 501.00cm²** **REGION: KL**
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 16,589.00 ITEM ID: MY0039442585



19 APR, 2020

# 140 premis raih jualan RM80j sepanjang PKP

Berita Harian Ahad, Malaysia



## SUMMARIES

Penularan COVID-19

Kuala Selangor: Sebanyak 140 premis, termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) mencatatkan jualan RM 80 juta sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata jualan membabitkan barangan segar seperti sayur, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani."Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian ini sentiasa berusaha mengurangkan masalah lebihan pengeluaran.

AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 12 PRINTED SIZE: 270.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,682.00 ITEM ID: MY0039444414



19 APR, 2020

# Direct-from-farm sale helps to sell 13 tonnes of vegetables, fruits

The Sunday Post (Kuching), Malaysia






**Jackson (right) monitors the direct-from-farm sales at the corridor of Miri agriculture office.**

# Direct-from-farm sale helps to sell 13 tonnes of vegetables, fruits

**MIRI:** Some 13 tonnes of fresh vegetables and fruits have been sold at the direct-from-farm sale programme here since last week.

Department of Agriculture Miri officer Jackson Nanta Bernabas Baie said the programme was aimed to assist the local farmers sell their fresh greens and fruit directly to customers during the movement control order (MCO) due to the Covid-19 outbreak.

"Local farmers face difficulty in marketing their produce during the MCO. Therefore, this direct-from-sales programme is held to minimise their losses.

"Price of vegetables and fruits here is cheaper than the market price, h he said when met at district agriculture office here on Friday.

He said the programme was jointly organised by Subis Area Farmers Organisation (PPK) and Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) Miri District. It opens every day from 9.30am to 2pm.

Besides farmers here, those from Niah, Bakong and Bekenu are also sending their fresh produce to the agriculture office here for sale.

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 12 PRINTED SIZE: 270.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,682.00 ITEM ID: MY0039444414



19 APR, 2020

# Direct-from-farm sale helps to sell 13 tonnes of vegetables, fruits

The Sunday Post (Kuching), Malaysia



## SUMMARIES

Jackson (right) monitors the direct-from-farm sales at the corridor of Miri agriculture office.

MIRI: Some 13 tonnes of fresh vegetables and fruits have been sold at the direct-from-farm sale programme here since last week. Department of Agriculture Miri officer Jackson Nanta Bernabas Baie said the programme was aimed to assist the local farmers sell their fresh greens and fruit directly to customers during the movement control order (MCO) due to the

Covid-19 outbreak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# FAMA outlets record RM80 million in sales during MCO



KUALA SELANGOR, April 18 -- A total of 140 Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) outlets nationwide have recorded RM80 million in sales since the beginning of the Movement Control Order (MCO) on March 18.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said they include the sale of fruits, vegetables and fresh fish, all of had high demand from local customers.

"The total also includes sales at controlled fresh markets that commenced operations since April 1, which is FAMA's attempt to overcome oversupply of produce due to the MCO.

"FAMA is now also collaborating with more e-trade platforms so that we can market the agricultural products faster," he told reporters after a visit to Selangor northwest Integrated Agricultural Development Area (IADA) here today.

Also present was Deputy Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Ronald said during the MCO, the ministry will focus more on online dan direct marketing to customers, as there are still many hotels and restaurants that are not fully operating, resulting in excessive supply.

"Customer demand is consistent like before the MCO, what has been causing oversupply is excess production and less order from food-based factories, hotels and restaurants, and the ministry will always try to overcome this problem," he said.

-- BERNAMA

AUTHOR: Mohd Izzatul Izuan Tahir SECTION: SELANGOR & KL PAGE: 33 PRINTED SIZE: 375.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 7,950.00 ITEM ID: MY0039442325



19 APR, 2020

140 outlet, PST FAMA beroperasi

Sinar Harian, Malaysia



# 140 *outlet*, PST FAMA beroperasi

## Catat jualan sehingga RM80 juta sepanjang PKP

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

FOTO: ROSLI TALIB



Ronald (tengah) bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) melihat sawah padi di Kampung Sawah Sempadan di Tanjong Karang semasa program turun padang ke kawasan IADA Barat Laut Selangor semalam.

Sebanyak 140 *outlet* termasuk pusat Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara mencatatkan jumlah jualan sehingga RM80 juta sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, konsep jualan dan pengedaran di *outlet* peruncitan terpilih itu membabitkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

Menurutnya, PST di *outlet* peruncitan terpilih di Malaysia secara berperingkat itu melibatkan agensi iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

"Fama dan tiga agensi pemasaran lain turut mewujudkan pelbagai *outlet* termasuk kewujudan 70 PST beroperasi di seluruh negara," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Turun Padang ke Kawasan di Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor semalam.

Bagaimanapun, katanya, FAMA dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian itu sentiasa berusaha mengurangkan masalah lebihan pengeluaran disebabkan permintaan berkurangan semasa tempoh PKP.

Ronald berkata, lambakan barangan segar berpunca daripada penurunan permintaan oleh restoran dan hotel yang tidak beroperasi sepanjang PKP.

Justeru, katanya, pemain industri sudah mengambil inisiatif menangani masalah lambakan barangan segar itu menerusi kaedah perniagaan atas talian.

"FAMA berusaha membantu pengeluar makanan melalui atas talian dan dapat mengurangkan beban ditanggung pengusaha makanan sepanjang PKP ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, bekalan beras negara dijamin mencukupi meskipun sepanjang tempoh PKP.

"Kedudukan sebagai pengeluar beras 70 peratus tempatan dan 30 peratus kebergantungan beras import menunjukkan Malaysia tidak berdepan masalah sepanjang PKP," katanya.

Katanya, stok semasa beras tempatan di peringkat kilang, pemborong dan peruncit berjumlah kira-kira 500,000 tan metrik dalam satu masa.

Tambah Ronald, kementerian akan terus memantau bagi memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan negara.

isentia
AUTHOR: Mohd Izzatul Izuan Tahir SECTION: SELANGOR & KL PAGE: 33 PRINTED SIZE: 375.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 7,950.00 ITEM ID: MY0039442325



19 APR, 2020

# 140 outlet, PST FAMA beroperasi

Sinar Harian, Malaysia



## SUMMARIES

Catat jualan sehingga RM80 juta sepanjang PKP

Sebanyak 140 outlet termasuk pusat Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara mencatatkan jumlah jualan sehingga RM8 juta sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu.Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Se Dr Ronald Kiandee berkata, konsep jualan dan pengedaran di outlet peruncitan terpilih itu membabitkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# 140 outlet, PST FAMA beroperasi



Ronald (tengah) bersama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) melihat sawah padi di Kampung Sawah Sempadan di Tanjong Karang semasa program turun padang ke kawasan IADA Barat Laut Selangor semalam. - FOTO ROSLI TALIB

KUALA SELANGOR - Sebanyak 140 outlet termasuk pusat Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara mencatatkan jumlah jualan sehingga RM80 juta sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, konsep jualan dan pengedaran di outlet peruncitan terpilih itu membabitkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

Menurutnya, PST di outlet peruncitan terpilih di Malaysia secara berperingkat itu melibatkan agensi iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

"Fama dan tiga agensi pemasaran lain turut mewujudkan pelbagai outlet termasuk kewujudan 70 PST beroperasi di seluruh negara," katanya pada sidang media selepas Majlis Turun Padang ke Kawasan di Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor semalam.

Bagaimanapun, katanya, FAMA dan beberapa agensi pemasaran di bawah kementerian itu sentiasa berusaha mengurangkan masalah lebihan pengeluaran disebabkan permintaan berkurangan semasa tempoh PKP.

Ronald berkata, lambakan barangan segar berpunca daripada penurunan permintaan oleh restoran dan hotel yang tidak beroperasi sepanjang PKP.

Justeru, katanya, pemain industri sudah mengambil inisiatif menangani masalah lambakan barangan segar itu menerusi kaedah perniagaan atas talian.
"FAMA berusaha membantu
pengeluar makanan melalui atas talian dan dapat mengurangkan beban ditanggung pengusaha makanan sepanjang PKP ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, bekalan beras negara dijamin mencukupi meskipun sepanjang tempoh PKP.
"Kedudukan sebagai pengeluar beras 70 peratus tempatan dan 30 peratus kebergantungan beras import menunjukkan Malaysia tidak berdepan masalah sepanjang PKP," katanya.
Katanya, stok semasa beras tempatan di peringkat kilang, pemborong dan peruncit berjumlah kira-kira 500,000 tan metrik dalam satu masa.

Tambah Ronald, kementerian akan terus memantau bagi memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# FAMA outlets record RM80 million in sales during MCO



Ronald Kiandee said they include the sale of fruits, vegetables and fresh fish, all of had high demand from local customers. -Filepix

**KUALA SELANGOR:** A total of 140 Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) outlets nationwide have recorded RM80 million in sales since the beginning of the Movement Control Order (MCO) on March 18.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said they include the sale of fruits, vegetables and fresh fish, all of had high demand from local customers.

"The total also includes sales at controlled fresh markets that commenced operations since April 1, which is FAMA's attempt to overcome oversupply of produce due to the MCO.

"FAMA is now also collaborating with more e-trade platforms so that we can market the agricultural products faster," he told reporters after a visit to Selangor northwest Integrated Agricultural Development Area (IADA) here yesterday.

Also present was Deputy Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Ronald said during the MCO, the ministry will focus more on online and direct marketing to customers, as there are still many hotels and restaurants that are not fully operating, resulting in excessive supply.

"Customer demand is consistent like before the MCO. What has been causing oversupply is excess production and less order from food-based factories, hotels and restaurants, and the ministry will always try to overcome this problem," he said.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KEDAH,PAHANG, TERENGGANU | 23 |

# Tarik balik sekatan eksport ikan

LKIM Kedah jamin bekalan ikan cukup sepanjang Ramadan, Aidilfitri

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

**SUNGAI PETANI**

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah memutuskan tiada sekatan eksport ikan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana bekalan dijamin mencukupi sepanjang Ramadan dan Aidilfitri tahun ini.

Pengarahnya, Hamdan Mamat berkata, eksport bekalan ikan ke luar negara tetap diteruskan dan sekatan bermula 15 April telah ditarik balik.

"Kita yakin bekalan ikan sepanjang tempoh PKP dan musim perayaan mencukupi bagi memenuhi permintaan domestik," katanya ketika memantau operasi penjualan ikan di Pasar Nelayan LKIM Seberang Kota dan Kubang Rotan kelmarin.



Hamdan ketika meninjau ke Pasar Nelayan LKIM Seberang Kota kelmarin.

Sebelum ini, LKIM membuat keputusan menyekat eksport ikan antara 15 April sehingga 15 Jun sempena Ramadan dan Aidilfitri bagi membolehkan harga ikan di pasaran terus dikawal.

Hamdan berkata, tiada isu lambakan ikan dilaporkan sepanjang PKP walaupun pergerakan terhad selain syarat terhadap peraih diperketatkan.

"Setakat ini tiada lambakan ikan kembung kecuali apabila peraih berkurangan kerana nelayan lambat pulang dari laut. Ikan akan turun harga kepada RM1.80 atau RM1.50 sekilogram atau lebih rendah tetapi tiada lambakan.

"Kita hanya membenarkan peraih berlesen memasuki kompleks LKIM untuk mendapatkan ikan daripada nelayan. Mereka yang tidak mempunyai lesen boleh memohon dan kelonggaran kepada mereka supaya boleh menghantar ikan," katanya.

Tambahnya, permohonan perlu disertakan salinan kad pengenalan, sijil pendaftaran perniagaan dan lesen borong atau runcit yang boleh diperolehi melalui laman web e-pelesenan LKIM.

Hamdan turut memberitahu lapan Pasar Nelayan LKIM antaranya di Seberang Kota, Kubang Rotan, Jerlun, Kuala Kuar, Sungai Limau, Tanjung Dawai, Kuala Muda dan Penarak di Langkawi yang menawarkan bekalan ikan kepada pengguna beroperasi seperti biasa dalam tempoh PKP.

"Hanya Pasar Nelayan Kuala Muda dihentikan sementara untuk aktiviti jual beli antara pelanggan manakala jual beli ikan antara peraih dan nelayan dibenarkan beroperasi seperti biasa di Pasar Bisik.

"Bagaimanapun konsep bisik dimansuhkan bagi mematuhi penjarakkan sosial sejak PKP," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# Bekalan makanan mencukupi sepanjang Ramadan



PASIR MAS, 19 April -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan bekalan makanan mencukupi sepanjang bulan Ramadan walaupun negara masih berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mencegah penularan wabak pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi , berkata jaminan itu berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada pihak terlibat dalam pembekalan dan pemasaran bekalan makanan.

"Pada bulan Ramadan bekalan makanan terutamanya buah-buahan akan mendapat pemintaan tinggi dan berdasarkan maklumat yang kita perolehi ia mencukupi untuk rakyat. Kementerian dan agensi yang terlibat sentiasa memantau dari semasa ke semasa bagi memastikan bekalan mencukupi.

"Sehingga ini kami tidak nampak sebarang permasalahan dari segi bekalan makanan walaupun mempunyai masalah kecil seperti pergerakan dalam tempoh PKP," katanya kepada pemberita selepas Majlis Kutipan Hasil Projek Kelompok Pemulihan Tanah Terbiar di Kampung Slow Terliar, Pasir Mas, di sini, hari ini.

Che Abdullah berkata kerajaan masih lagi mengimport barangan makanan seperti buah epal, kurma bagi memenuhi permintaan terutama di bulan puasa dengan dikawal agensi berkaitan bagi memastikan syarat kemasukan makanan dipatuhi.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Bekalan makanan musim Covid-19



Bekalan barang makanan basah dan kering untuk lebih 32 juta rakyat Malaysia adalah mencukupi. -Foto Bernama

SEBELUM wabak Covid-19 melanda, ketidakcukupan makanan sudah menjadi satu masalah di peringkat global. Lebih 820 juta orang terlibat, bermakna satu daripada setiap sembilan penduduk dunia menghadapi masalah tidak mempunyai makanan yang mencukupi.

Ekoran wabak ini, dijangkakan lebih ramai lagi penduduk dunia tidak cukup makanan. Kumpulan yang paling rentan (vulnerable) adalah golongan miskin bandar, penduduk di kawasan terpencil, pendatang, petani kecil dan pekerja tidak formal.

Di negara kita, walaupun pada umumnya tiada isu yang signifikan berkaitan sekuriti makanan di peringkat nasional di mana Malaysia berada di tangga ke-28 daripada 113 buah negara dalam Indeks Sekuriti Makanan Global 2019, namun masih terdapat isu ketidakcukupan makanan di peringkat isi rumah.

Contohnya, kajian oleh Rusidah Selamat dan beberapa pengkaji lain bertajuk Household Food Insecurity in Malaysia: Findings from Malaysian Adults Nutrition Survey (2015) mendapati 13.4 peratus orang dewasa telah mengurangkan saiz makanan dan melewatkan makanan utama kerana masalah kewangan. Di Sabah dan Sarawak, angkanya adalah 20.3 peratus manakala Semenanjung Malaysia 11.5 peratus.

Setakat ini, kesan wabak Covid-19 terhadap sekuriti makanan belum diketahui sepenuhnya. Gangguan dalam rantai makanan adalah minimum kerana bekalan adalah mencukupi dan stabil kecuali kes terpencil di Cameron Highlands seperti yang dilaporkan di media. Tetapi apa yang jelas adalah ia akan memberi kesan negatif pada rantai bekalan makanan, daripada pengeluar hingga ke pemproses, pemasar, pengangkut dan pengguna, jika rantai bekalan makanan tidak ditangani dengan baik.

Buat masa ini, kekurangan bekalan makanan bukanlah satu masalah, tetapi isunya adalah pengedaran dan pergerakan makanan dari ladang ke tempat yang diperlukan.

Rantaian

Justeru, adalah mustahak untuk meningkatkan daya tahan sistem rantaian bekalan makanan kita. Ini dapat dilakukan dengan memperkukuhkan pengurusan pasaran dan mencegah gangguan rantaian bekalan makanan. Kegiatan berkaitan pengeluaran, penyimpanan, pengedaran, pemprosesan, pembungkusan, peruncitan dan pemasaran makanan tidak boleh dihentikan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kita juga memerlukan langkah-langkah untuk melindungi pekerja dalam rantaian bekalan dan mencegah penyebaran Covid-19. Langkah-langkah bagi mengelakkan insiden kekurangan makanan adalah seperti berikut:

• Petani mesti mempunyai akses berterusan ke pasaran. Pergiatkan usaha melalui gabungan pasaran swasta dan perolehan kerajaan.

• Memastikan bekalan input pertanian seperti benih, baja dan makanan ternakan tidak terputus bagi mengeluarkan makanan secara berterusan.

• Mengurangkan kerugian lepas tuai yang mungkin meningkat disebabkan masalah pengangkutan dan akses ke pasaran dengan meningkatkan kapasiti penyimpanan dan pemprosesan berskala kecil.

• Memastikan stok makanan mencukupi sekiranya berlakunya darurat.

• Memastikan bahawa logistik makanan dan pengangkutan tidak dihentikan semasa PKP. Dalam masa yang sama, pihak berwajib harus memastikan semua langkah keselamatan dan pencegahan wabak dipatuhi.

• Memastikan peserta di sepanjang rantaian bekalan makanan tidak berisiko menularkan Covid-19 dengan meningkatkan kesedaran mengenai peraturan keselamatan dan kesihatan makanan.

• Bagi pengguna yang terputus mata pencarian disebabkan PKP, kerajaan perlu memastikan kesinambungan bantuan mata pencarian mereka terutamanya dalam kalangan miskin bandar B40.

Dalam jangka masa panjang melangkau wabak Covid-19 ini, beberapa initiatif perlu dilaksanakan bagi menjamin sekuriti makanan negara, antaranya:

1. Berbanding sektor perindustrian, sektor pengeluaran makanan terdedah kepada banyak risiko yang susah diramal. Oleh itu, pengurusan risiko pasaran perlu dibangunkan, seperti pemantauan dan ramalan harga bagi mengurangkan risiko dalam

pengeluaran makanan. Persediaan kecemasan dan langkah-langkah untuk mencegah bencana alam, seperti skim pengairan dan kawalan banjir harus diwujudkan.

2. Pengeluaran makanan belum lagi diamalkan seperti tanaman industri. Justeru, ia memerlukan usahawan tani yang boleh mengamalkan pengeluaran makanan secara komersial dan berteknologi tinggi.

3. Melaksanakan dasar guna tanah untuk meningkatkan pengeluaran makanan melalui penyisihan kawasan tanah pertanian khusus untuk pengeluaran makanan.

4. Memperkasa peranan koperasi dalam meningkatkan pendapatan petani.

5. Inovasi dan pelaburan dalam teknologi sistem pertanian akan memainkan peranan penting dalam memupuk produktiviti pertanian. Dengan itu, sektor pengeluaran makanan perlu membangunkan dan menggunakan pelbagai teknologi dan amalan ladang yang berkonsepkan pertanian pintar. Contoh teknologi sistem pertanian ini ialah sensor tanah dan air, pengesanan cuaca, pengimejan satelit, automasi, pertanian menegak, kecerdasan buatan, nanoteknologi, aplikasi GPS, robot dan pertanian tepat.

6. Memandangkan penghuni bandar adalah pembeli makanan bersih dan bergantung pada pendapatan untuk mengakses makanan, maka mempromosikan pertanian bandar dapat mengurangkan perbelanjaan makanan isi rumah bandar.

7. Penyelidikan. Walaupun output penyelidikan seperti penerbitan jurnal, petikan, dan paten amat penting, hasil sebenar penyelidikan adalah nilai dan kekayaan yang dijana daripada pengkomersialan. Dengan itu, hasil penyelidikan perlu dipakej yang merangkumi inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan.

Akses

Secara amnya, kecukupan makanan tidak menjadi masalah, tetapi masalahnya adalah pengedaran dan pergerakan makanan dari ladang ke pengguna. Apa yang penting sekarang ialah pihak berkuasa perlu memantau harga makanan secara berterusan, memastikan penyampaian input pertanian kepada petani secara berkesan, memastikan kelancaran operasi logistik rantaian bekalan makanan, memastikan penyimpanan stok makanan yang mencukupi dalam keadaan darurat, dan memastikan aliran perdagangan yang lancar dan memanfaatkan sepenuhnya pasaran antarabangsa sebagai alat penting untuk mendapatkan bekalan dan permintaan makanan.

Sebagai kesimpulan, seperti rawatan perubatan, pembekalan makanan mesti dibenarkan melintasi sempadan dengan bebas. Petani mesti terus mendapat akses ke pasar melalui gabungan pasar swasta dan perolehan kerajaan. Rantaian bekalan makanan mesti terus berfungsi dengan baik bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi.

** Profesor Datuk Dr M Nasir Shamsudin ialah pakar ekonomi pertanian dan sumber daripada Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | BULETIN UTAMA TV3 | ONLINE | |

## KAWALAN PERGERAKAN: TIADA KES CURI HASIL PERTANIAN DI TERENGGANU




#BuletinUtama #BU #BuletinTV3

KAWALAN PERGERAKAN | Tiada Kes Curi Hasil Pertanian Di Terengganu

1,610 views • Apr 18, 2020 22 2 SHARE SAVE

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | The government to establish the cabinet food committee | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 20 Apr 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A14 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 246 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,852 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,556 |



## 農長：制定安全政策

# 政府將設内閣糧食委會



■罗南建迪

（吉隆坡19日讯）随着新冠肺炎（2019冠状病毒疾病）疫情引发各界对粮食安全的担忧，农业及食品业部长拿督斯里罗南建迪说，基本上我国粮食供应充足，但政府必须设法确保每个人民拥有足够粮食，也能方便及快速获取廉价粮食。

他透露，政府近期将设立一个由首相丹斯里慕尤丁率领的内阁粮食安全委员会，以制定国家粮食安全政策。

他指出，随着新冠肺炎（2019冠状病毒疾病）疫情引发各界对粮食安全的担忧，我国也认为是时候提升国内的食品安全与保障。

"当中农业的农基工业领域将成为委员会所要关注的事项之一，除了保障粮食安全之外，也要让相关业者获得收入。"

罗南建迪接受《星报》访问时指出，有关委员会也将探讨如何加强食物供应链、提升粮食运输及辅助系统、提升科技知识及推动更高的农业标准执行力。

"不管我们的生活在新冠肺炎疫情后恢复正常或有所转变，大家都认同国家粮食安全有必要检讨。"

他说，政府也已经成立了一个特别工作小组，协调国际贸易及工业部、国内贸易及消费人事务部和农业及食品业部3个部门，展开降低新冠肺炎对粮食供应冲击的工作。

2019年环球粮食安全指数显示，我国在全球113个国家中排名第28名，远超中国（第35名）和韩国（第29名），但逊于排名第一位的新加坡。

据了解，农业及农基工业部正设法在数年内，降低我国的30%白米进口比例。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | DOMINICA NEWS | ONLINE | |

# Min of Agriculture to assist farmers with backyard gardening



The Ministry of Agriculture is now on a drive to assist farmers and persons with backyard gardens to do some planting so as to feed themselves and family.

During a radio program on State-owned DBS radio last week, Ryan Anslem from the division and agriculture and other officials explained that the division was in the process of preparing "seedlings" to help those who needed.

"We have been asking people with backyard space to grow what you eat…and as a result, given the situation with the Coronavirus (COVID 19) we are on an all-out drive to assist farmers," he said.

He explained that his department has gone around the island and divided it into groups so as to deal effectively meet the needs of those in need.

"We have lettuce, cabbage, kale, cucumber, pumpkin, string beans, lettuce and more…we have been asking people to register with us, call us at 611-3545, 3455, 3126 and 3125 to speak to our staff and make the necessary arrangements," they stated.

So far, they have already started giving to people of Pointe Michel, Grand Bay, Portsmouth and other districts.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Apply to Miti if company in need of more manpower during Phase 3 of MCO` | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 20 Apr 2020 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 7 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 159 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,084 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,252 |



# 'Apply to Miti if company in need of more manpower during Phase 3 of MCO'

**KUCHING:** Companies can justify why they need more manpower during the third phase of the Movement Control Order (MCO) and submit their applications to the Ministry of International Trade and Industry (Miti) for approval.

The latest frequently asked questions (FAQ) on the MCO released by Miti on Friday said companies which had been allowed to operate during the first and second phases of the MCO could continue to do so with the previously approved manpower.

According to the FAQ, companies that do not have a registration number, either with the Companies Commission of Malaysia (SSM) or local agencies, can tick on the box 'I am a business owner and have not registered with any relevant parties'.

Applicants are required to provide details of their employees through the Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 2.0 at https://application.miti.gov.my.

Those who intend to make amendments to their applications are required to send the amended copies to updatecims2.0@marii.my with reasons for resending the application attached.

If companies do not find their business sector under the CIMS 2.0, they can pick a cluster that is most relevant to their business activities.

"If your sector is still not available, it means that your sector is not provided under the additional sectors that have been allowed to operate during the third phase of the MCO," the FAQ stated.

According to Miti, virtual private network (VPN) platform is not required for the submission of applications.

If one's application status shows 'New', this indicates that the application has been sent and will be processed in five working days.

All sectors that have previously obtained approval from the Ministry of Health, Ministry of Agriculture and Food Industry, Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, Ministry of Primary Industries, Ministry of Housing and Local Government, and the local authorities to operate throughout the MCO period are allowed to go on with their businesses.

However, they are encouraged to apply again if they want to acquire Miti's approval letter that comes with a QR code.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

# Pengusaha patin terjejas

**Temerloh:** Pembekal ikan patin di daerah ini terjejas berikutan sebahagian premis restoran dan kedai makan tidak beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Pengusaha patin sangkar dan pembekal ikan patin Tanjung Kerayong, Shamsul Anuar, 35, berkata, sebanyak 12 tan ikan patin miliknya tidak dapat dipasarkan sepanjang tempok PKP.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan dia terpaksa mengeluarkan modal tambahan bagi menampung kos makanan sebanyak RM1,500 setiap hari.

Katanya, pasaran ikan patin sangkar memang terjejas dan dia terpaksa buat penghantaran secara terus kepada pelanggan selain ada yang datang sendiri ke sangkar tetapi pasarannya agak terhad.

"Tempoh matang ikan patin untuk dijual antara 700 gram hingga 1.2 kilogram, kini ikan patin yang di sangkar mencecah hampir 1.5 kilogram dan ia kurang diterima pelanggan kerana saiznya yang besar.

"Saya tak tahu nak buat apa. Ikan yang ada sudah besar-besar. Saya tak tahu nak hantar ke mana lagi.

"Saya minta tolong kepada pihak berkaitan yang

*Saya tak tahu nak buat apa. Ikan yang ada sudah besar-besar. Saya tak tahu nak hantar ke mana lagi"*

**Shamsul Anuar**

prihatin dengan keadaan penternak ikan patin sekarang ini untuk membantu memasarkannya" katanya.

Rakannya, Syed Muhammad Ali Syed Mustafa, 38, berkata, pasaran ikan patin sukar dipasarkan walaupun sekadar 10 kilogram setiap hari berbanding sebelum PKP yang mampu dijual sehingga 100 kilogram sehari.

"Stok ikan memang banyak tetapi tidak boleh dipasarkan, jadi kami simpan sahaja ikan dalam sangkar dan terpaksa bagi makan menyebabkan kos menjadi lebih tinggi.

"Sebelum ini kami sudah mempunyai pasaran tetap, membekal ikan kepada kedai makan dan restoran tetapi sekarang semua sudah berhenti operasi buat sementara," katanya.



PENDAPATAN pengusaha patin di Tanjung Kerayong terjejas kerana kurang pasaran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | THE STAR | NATION | 10 |

# Finally, 500kg of sweet potatoes sold

**KUALA LUMPUR:** The residents of Kampung Orang Asli Lemoi, Cameron Highlands in Pahang, were relieved when they were finally able to sell their stock of almost 500kg of sweet potatoes, thanks to the help of several teachers there.

Three teachers at SK Lemoi – Hanisah Mat Hussin, Nor Mahidatulasma Yusof and Wan Zamani Wan Musa – solved their problem when they promoted the root vegetables online.

"The sweet potatoes are a source of income to the villagers, but sales dropped after the movement control order was imposed," Hanisah, 39, said.

"After discussing the residents' plight with Nor Mahidatulasma and Wan Zamani, I posted an advertisement of the sweet potatoes on social media."

The advertisement, which included a photograph of the stacks of sweet potatoes on April 12, was shared more than 1,000 times and the orders came flooding in soon after.

Hanisah said she and her friends wanted to help the residents whose children were their students.

"Our school is in the interior areas.

"During school days, we live in the villages and only go out once a week, so we are close to the residents.

"When they complained that they could not sell many of their produce, we came up with this idea to help them.

"We used the #kitajagakita. We may not be able to help everyone but at least we could do something for those people around us," she added. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2020 | NST | NEWS IN BRIEF | 12 |

# Orang Asli sell 500kg of sweet potatoes

**KUALA LUMPUR:** The residents of Kampung Orang Asli Lemoi, Cameron Highlands in Pahang were relieved when they were finally able to sell off their stock of almost 500kg of sweet potatoes, thanks to the help of several teachers there. Three teachers at Sekolah Kebangsaan Lemoi — Hanisah Mat Hussin, Nor Mahidatulasma Yusof and Wan Zamani Wan Musa — solved their problem when they promoted the root vegetables online.

"The sweet potatoes were a source of income for the villagers, but sales dropped after the Movement Control Order was imposed," sais Hanisah, 39.

"After talking with Nor Mahidatulasma and Wan Zamani, I posted an advertisement of the sweet potatoes on social media." The advertisement posted on Hanisah's Twitter account, @bungolale, on April 12, was shared more than 1,000 times, and the orders came flooding in soon after. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Sarawak benar 2 orang dalam kenderaan ke sawah

**Petra Jaya:** Sarawak menjadi negeri pertama membenarkan dua orang berada dalam kenderaan yang sama untuk ke sawah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Keputusan berkenaan dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), kelmarin.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas yang juga Pengerusi JPBN, berkata kebenaran itu bagi membolehkan petani menuai hasil padi mereka.

"Berikutan sekarang adalah musim menuai padi, kebanyakan petani ke sawah untuk menuai hasil padi mereka.

"Oleh itu, petani yang biasanya pasangan suami isteri akan turun bersama dan JPBN mencapai keputusan untuk membenarkan dua orang berada dalam kenderaan untuk ke sawah," katanya pada sidang media, kelmarin.

Sementara itu, bagi pusat khidmat pelanggan syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Digi, Maxis dan U Mobile serta wakil sah mereka yang ditakrifkan sebagai perkhidmatan perlu, beliau berkata, hanya premis terpilih dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

Katanya, keputusan itu dibuat seperti yang dipersetujui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) sebelum ini.

"Langkah ini bagi menyokong keperluan perkhidmatan komunikasi pengguna seperti keperluan untuk penukaran kad SIM, masalah bil dan isu rangkaian," katanya.

***Berikutan sekarang musim menuai padi, kebanyakan petani ke sawah untuk menuai hasil padi mereka.***

***Douglas Uggah Embas,***
*Timbalan Ketua Menteri*



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# Denda RM50,000 catut barang ketika Ramadan



## Peniaga gagal bayar akan ditahan sebelum kena dakwa di mahkamah

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kompaun maksimum RM50,000 akan dikenakan terhadap peniaga yang dikesan mencatut harga barangan menjelang Ramadan, minggu ini.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata mereka yang gagal membayar kompaun akan ditahan sebelum didakwa di mahkamah.

"Saya memberi amaran kepada semua peniaga untuk tidak mencatut harga barang, khususnya keperluan asas ketika negara memasuki Ramadan, minggu ini.

"Kita tidak mahu rakyat negara ini dan pengguna yang mahu melakukan persediaan berpuasa terbeban dengan kenaikan harga barangan yang tinggi disebabkan amalan ini," katanya kepada *BH*.

Ditanya mengenai Skim Harga Maksimum menjelang Ramadan, Iskandar menjelaskan ia akan diputuskan tidak lama lagi.

"Kita akan maklum kepada semua mengenai perkara itu nanti," katanya.

Sementara itu, Iskandar berkata, 147 aduan berkaitan bekalan dan harga diterima KPDNHEP pada fasa ketiga Perintah Kawalan Harga (PKP).

"Pada fasa PKP pertama, kita menerima 4,957 aduan manakala pada fasa kedua, 4,571 aduan. Jumlah keseluruhan 10,275 aduan diterima dan setakat ini 42 berjaya menghasilkan kes.

"Pada fasa ketiga sahaja, 4,275 premis diperiksa dan RM467,961 rampasan dilakukan," katanya.

Difahamkan, antara aduan dan pertanyaan adalah berkaitan topeng muka, cecair pembasmi kuman, beras, sayur, telur, bawang, makanan, produk makanan dan barangan asas.

***Kita tidak mahu rakyat dan pengguna yang mahu melakukan persediaan berpuasa terbeban dengan kenaikan harga yang tinggi.***

***Iskandar Halim Sulaiman,***
*Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP*

# Pasar raya kelirukan harga beras diserbu

**Klang:** Sebuah pasar raya di sini didapati menjual satu jenama beras pada harga yang mengelirukan pengguna, sejak setahun lalu.

Ia berikutan pemeriksaan sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata sebaik menerima aduan, pihaknya melakukan pemeriksaan dan mendapati harga beras berkenaan mengelirukan pengguna.

"Satu tindakan kes diambil berdasarkan aduan pengguna ke atas item beras yang tidak sama harga yang dipamer dengan harga dibayar di premis.

"Semakan mendapati, harga runcit disyorkan oleh pengeluar yang dipamerkan pada plastik pembungkus barangan diadukan, iaitu beras 10 kilogram (kg) adalah RM53.90, tetapi tanda harga dipamerkan untuk jualan dan harga di kaunter pembayaran pula RM54.70.

"Semakan dalam sistem inventori mendapati harga jualan sejak Mei 2019 sehingga April 2020 adalah RM54.70 dengan purata kos belian daripada pembekal RM47.40," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Muhamad Zikril Azan, bagaimanapun berkata, tiada kenaikan harga jualan berlaku terhadap barangan itu.

"Namun, terdapat kekeliruan berkaitan harga pada item terbabit yang disyaki menjadi kesalahan mengikut Seksyen 12 Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 dan Seksyen 14 Akta Perihal Dagang (APD) 2011.



*Muhamad Zikril Azan Abdullah*

"Apabila ditanya kepada peniaga terbabit, jawapannya tersilap. Jadi, kita harap peniaga lebih berhati-hati supaya harga yang ditawarkan sama dengan harga pada item itu.

"KPDNHEP mengambil tindakan mengikut Seksyen 12 APP membabitkan sitaan ke atas item bagi mengelakkan perkara sama berulang," katanya.

Beliau juga mengingatkan pengguna supaya berhati-hati ketika membuat pembelian serta meneliti sama ada harga barang yang dibayar sama dengan harga dipamerkan.

"Sekiranya berlaku di tempat anda, segera buat aduan kepada kami untuk kami ambil tindakan.

"KPDNHEP juga akan melakukan pemeriksaan di pasar raya berkenaan di lokasi lain bagi memastikan perkara sama tidak berlaku ke atas barang keperluan utama pengguna seperti beras ini," katanya.



*Dr Johari (kanan) menyerahkan PPE disumbangkan MACMA Terengganu kepada Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga Klinik Kesihatan Wakaf Che Yeh, Dr Adam Firdaus Dahlan (dua dari kiri).* (Foto ihsan Dr Johari Yap)

# Harga mahal tak jejas misi MACMA

**Kota Bharu:** Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Cawangan Kelantan mendakwa kos kain khas *non woven* untuk membuat set lengkap pakaian perlindungan peribadi (PPE) meningkat tiga kali ganda.

Pengerusinya, Dr Johari Yap, berkata walaupun kesal dengan situasi itu, ia tidak mematahkan usaha mereka menyediakan PPE untuk keperluan petugas barisan hadapan.

"Kain *non woven* ini sudah ditempah dari sebuah kilang di Kedah, namun kami dimaklumkan ia sudah kehabisan stok, malah kami perlu menunggu, selain harganya juga meningkat sehingga tiga kali ganda daripada kebiasaannya.

"Kenaikan harga ini menyebabkan kos bahan mentah untuk menyiapkan sut PPE yang terdiri daripada gaun, serkup kepala dan penutup but yang sebelum ini sekitar RM30 sepasang mungkin meningkat kepada hampir RM100 sepasang," katanya kepada media di sini, semalam.

Beliau berkata, namun semua itu tidak menjadi ukuran berbanding nyawa petugas barisan hadapan yang berdepan risiko.

Johari berkata, bagi mempercepatkan proses menyiapkan PPE, MACMA Kelantan akan memohon kerjasama pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) untuk meminjamkan mesin jahit mereka memandangkan persatuan hanya mempunyai empat mesin jahit.

Katanya, MACMA Kelantan berhasrat sumbangkan 3,000 PPE kepada petugas hadapan seluruh negara, dijahit ahli MACMA Kelantan, Terengganu, sukarelawan dan pertubuhan badan bukan kerajaan lain. BERNAMA